

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan tambang pelajar atau "student fare" kepada penuntut universiti dari Sabah dan Sarawak bagi mengurangkan beban keluarga mereka terutama pada musim perayaan serta sama ada lebih banyak penerbangan harga tetap bagi laluan Kuala Lumpur - Sibul / Johor - Sibul dapat disediakan pada musim perayaan yang akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk menawarkan perkhidmatan tambang pelajar ataupun "*student fare*" kepada semua penuntut universiti termasuk dari Sabah dan Sarawak bagi tujuan mengurangkan beban terhadap keluarga mereka khususnya semasa musim perayaan.
2. Dalam hubungan ini, Syarikat AirAsia Berhad dan Malindo memaklumkan bahawa mereka akan meneliti dan mempertimbangkan cadangan ini.
3. Manakala, syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah memperkenalkan portal web MHexplorer pada Oktober tahun lalu yang mensasarkan para pelajar universiti berumur di antara 18 hingga 26 tahun untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan MAB. Antara

NO. SOALAN : 3

keistimewaan yang ditawarkan ialah pengurangan tambang penerbangan sehingga 20% daripada tambang penerbangan biasa. Di samping itu juga, MHexplorer turut menawarkan lain-lain keistimewaan seperti elaun bagasi tambahan 10 kilogram, perubahan tarikh penerbangan percuma, mata ganjaran Enrich (*Enrich Points*) untuk program pelajar, diskaun khas untuk hotel terpilih dan tambang teksi melalui ejen-ejen yang dilantik oleh pihak MAB.

4. Selain itu, mulai 31 Julai 2019 lalu, program MHexplorer telah diperluaskan lagi kepada para pelajar berusia antara 13 hingga 26 tahun, termasuk para guru dan ahli akademik yang berusia sehingga usia 60 tahun yang masih aktif bekerja di sekolah-sekolah dan institut pendidikan tinggi.

5. Bagi maksud cadangan supaya lebih banyak penerbangan harga tetap yang lebih rendah disediakan pada musim perayaan akan datang bagi laluan-laluan penerbangan terpilih, termasuk Kuala Lumpur-Sibu dan Johor Bahru-Sibu, pihak Kerajaan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 antara lainnya telah memutuskan supaya Kerajaan tidak akan menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan.

6. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20% bagi tempoh tujuh (7) hari sebelum musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi termasuk bagi laluan Semenanjung ke Sibu.

7. Pengumuman mengenai penerbangan tambahan dan tawaran harga akan diumumkan oleh syarikat-syarikat penerbangan yang berkaitan dalam masa terdekat. Sekian, terima kasih.